

Kompleks Pentadbiran Utama
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel : +609 549 3177 / 3172
Fax : +609 549 3166

UAE2015/V1.0/ACAD/01

**SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**PROGRAM DIPLOMA PROFESIONAL*/
BACELOR EKSEKUTIF*/MASTER EKSEKUTIF***

Tawaran kemasukan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan. Sila semak dan pastikan syarat-syarat berikut dipatuhi.

1. Deskripsi Program

Program Sijil Professional / Diploma Professional / Bacelor Eksekutif / Master Eksekutif adalah program "Terminal" yang bermaksud bahawa program ini tidak boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian di aliran perdana. Program ini dianugerahkan oleh Universiti Malaysia Pahang dan tidak tertakluk kepada badan pengiktiran.

2. Pematuhan Peraturan

Selama tempoh pengajian anda di universiti ini:

- a. Anda mestilah mematuhi Undang-undang Negara, Akta Universiti dan Koleh Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, kaedah-kaedah Universiti (Tatatertib pelajar), Status dan Peraturan Universiti serta keputusan-keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Universiti.
- b. Anda mestilah sentiasa memelihara nama baik Universiti dan menjaga harta benda serta kemudahan-kemudahan daripada dirosakkan oleh sesiapapun
- c. Anda dilarang melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan dan urusan yang ditetapkan.

3. Pengesahan Tawaran

Anda perlu hadir pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran untuk pengesahan pendaftaran kemasukan ke UMP.

4. Pembatalan Tawaran

Universiti berhak membatalkan tawaran ini atau menyingkirkan anda sebagai pelajar Universiti Malaysia Pahang pada bila-bila masa, jika kenyataan dan/atau maklumat yang antara berikan dalam permohonan kemasukan didapati tidak benar.